

21 Jun 2022
Kenyataan Media

**BENKEL PERCUMA PENGURUSAN KENDERAAN E-HAILING
ANJURAN PUSPAKOM DAPAT SAMBUTAN**

Alor Gajah, 21 Jun 2022 –Setelah menerima beberapa soalan daripada pemandu-pemandu tentang pemeriksaan kenderaan e-hailing, satu Bengkel Pengurusan Kenderaan e-Hailing untuk Pemeriksaan PUSPAKOM telah diadakan di PUSPAKOM Alor Gajah pada 17 Jun lepas, secara PERCUMA.

Bengkel ini bertujuan memberi penerangan serta pengetahuan kepada pemandu-pemandu kenderaan e-hailing tentang tip-tip pengurusan kenderaan seperti persediaan kenderaan sebelum menjalani pemeriksaan PUSPAKOM, piawaian dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pemeriksaan e-hailing yang perlu dipatuhi serta pemeriksaan kenderaan tanpa menggunakan orang tengah atau "runner".

Antara pengisian bengkel adalah kepentingan menggunakan alat ganti kenderaan yang tulen ketika penyelenggaraan kenderaan. Pelanggan turut disarankan menghantar kenderaan ke PUSPAKOM dengan sendiri dan tidak menggunakan khidmat 'runner' kerana ia lebih menjimatkan. Peserta juga diberitahu bahawa kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM adalah mudah sekiranya kenderaan diselenggara dengan betul dan mengikut piawaian yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan akta-akta lain yang berkaitan.

Selain daripada itu, PUSPAKOM turut menyampaikan taklimat Budaya Berintegriti Tinggi dan Ketelusan Pemeriksaan Kenderaan yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan penerangan berkaitan integriti.

Peserta yang hadir di lokasi bengkel dan yang menonton secara FB Live juga berpeluang bertukar-bertukar pendapat dan pandangan dengan pihak PUSPAKOM berkenaan dengan isu-isu yang berkaitan tentang kenderaan e-hailing.

Peserta bengkel Rizal Adam berkata, "Bengkel ini sangat bermanfaat kerana memberi banyak informasi tentang pemeriksaan e-hailing, dan PUSPAKOM nampak serius dalam membantu menangani isu-isu yang dihadapi oleh pemandu-pemandu e-hailing".

Bengkel seumpama ini adalah antara komitmen PUSPAKOM untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik untuk pelanggan mereka, di samping telus didalam aktiviti pemeriksaan kenderaan sejajar dengan aspirasi budaya kerja kakitangan yang berintegriti tinggi.

Untuk maklumat terkini berkenaan dengan PUSPAKOM serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan, orang ramai boleh mengikuti Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn. Bhd., Instagram @puspakom_ontheroad atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan PUSPAKOM di talian 03-5101 7000.

#

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Leong Pei Yee

Ketua, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7465

Mohd Izzat Intanjudin

Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7464

Elly

Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7322

MENGENAI PUSPAKOM

***Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM)** merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.*

Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.

Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar Bandar.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.


Gambar

1.



Dato' Ooi sedang menerangkan komponen kenderaan yang menyebabkan kegagalan brek jika rosak.

2.



Encik Farid menerangkan spesifikasi nombor plat kenderaan.

3.



Seorang peserta bengkel sedang mencatat maklumat tentang pemeriksaan e-hailing